

23 OCT 2000

MAHATHIR-MEGASTEEL

MALAYSIA TERUS BERI PENEKANAN KPD PROJEK BERTEKNOLOGI TINGGI

BANTING, 23 Okt (Bernama) -- Malaysia akan terus memberi penekanan kepada projek tokokan nilai tinggi dan berteknologi tinggi dalam pembangunan perindustrian semasa serta di masa depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Kami sedar teknologi hari ini adalah sesuatu yang amat perlu dan satu faktor penting bagi sesebuah negara untuk mengekalkan kelebihan daya saingnya," katanya di majlis perasmian kilang besi keluli jalur panas Megasteel Sdn Bhd, di sini.

Dr Mahathir menggesa syarikat-syarikat Malaysia terus meningkatkan taraf operasi sedia ada mereka menerusi pengenalan teknologi baru, inovasi dan pemodenan.

Kilang besi keluli bernilai RM2.5 bilion itu mampu menghasilkan 2.5 juta tonne lingkaran gelung besi panas setahun yang boleh menggantikan import bernilai lebih RM3 bilion setahun.

Kilang itu adalah yang terbesar di Malaysia dan kilang besi keluli kelima terbesar di dunia.

Kilang berautomasi tinggi itu, apabila beroperasi pada kapasiti penuh akan mempunyai satu daripada kos pengeluaran setonne terendah di dunia.

Dengan memuji pelaburan Megasteel bagi kilang itu, Dr Mahathir berkata ia akan menjadi contoh sebagai lambang ciri-ciri dinamis usahawan Malaysia.

"Mereka bersedia untuk memulakan penerokaan berintensif modal bagi tempoh jangka masa panjang.

"Ketika pemulihan ekonomi sedang berjalan lancar ketika ini, syarikat-syarikat Malaysia sepatutnya berada di kedudukan yang lebih baik untuk melabur dalam projek baru atau mengembangkan projek sedia ada mereka bagi menyediakan kepada keperluan pasaran di Malaysia dan juga serantau," tambahnya.

Dr Mahathir berkata pembinaan kilang Megasteel itu akan membolehkan Malaysia menjimatkan pertukaran asing dan menyumbang ke arah mengembangkan lagi pemprosesan hiliran dalam industri besi dan keluli di Malaysia.

Selain itu, projek ini akan menyediakan bahagian pertumbuhan baru dalam ekonomi dan untuk tempoh jangka panjang membantu memastikan bahan asas yang diperlukan oleh pengguna akhir pada harga yang kompetitif.

Pengeluar-pengeluar bahan mentah berasaskan keluli juga harus memastikan produk mereka berharga kompetitif agar produk Malaysia kekal bersaing.

Dr Mahathir berkata sejumlah besar pelaburan sektor perkilangan datang daripada industri besi dan keluli.

Tahun lalu, 21 projek bernilai RM1.26 bilion diluluskan di mana 88.4 peratus daripadanya oleh pelabur-pelabur dalam negeri.

Dari Januari hingga Julai tahun ini, 11 projek bernilai RM300 juta diluluskan, di mana 19.5 peratus adalah dari tempatan.

Dr Mahathir berkata keluli dijangka kekal sebagai bahan mentah asas dalam pembinaan, pengangkutan, penjanaan kuasa dan kejuruteraan mekanikal.

Meskipun terdapat peningkatan dalam elektronik dan penggunaan bahan baru, namun keluli akan kekal sebagai bahan mentah penting di abad ke-21 ini.

-- BERNAMA

MAD DVS ZK MA